2. The provisions of paragraph 1 shall not apply to income, other than income from immovable property as defined in paragraph 2 of Article 6, if the beneficial owner of the income, being a resident of a Contracting State, carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein, or performs in that other State independent personal services from a fixed base situated therein, and the right or property in respect of which the income is paid is effectively connected with such permanent establishment or fixed base. In such case the provisions of Article 7 or Article 14, as the case may be, shall apply.

Article 23

ELIMINATION OF DOUBLE TAXATION

1. Subject to the laws of Malaysia regarding the allowance as a credit against Malaysian tax of tax payable in any country other than Malaysia, the Irish tax payable under the laws of Ireland and in accordance with this Agreement by a resident of Malaysia in respect of income derived from Ireland shall be allowed as a credit against Malaysian tax payable in respect of that income. Where such income is a dividend paid by a company which is a resident of Ireland to a company which is a resident of Malaysia and which owns not less than 10 per cent of the voting shares of the company paying the dividend, the credit shall take into account Irish tax payable by that company in respect of its income out of which the dividend is paid. The credit shall not, however, exceed that part of the Malaysian tax, as computed before the credit is given, which is appropriate to such item of income.
2. Subject to the provisions of the laws of Ireland regarding the allowance as a credit against Irish tax of tax payable in a territory outside Ireland (which shall not affect the general principle hereof) -
 - (a) Malaysian tax payable under the laws of Malaysia and in accordance with this Agreement, whether directly or by deduction, on profits, income and gains from sources within Malaysia (excluding in the case of a dividend tax payable in respect of the profits out of which the dividend is paid) shall be allowed as a credit against any Irish tax computed by reference to the same profits, income and gains by reference to which Malaysian tax is computed;
 - (b) in the case of a dividend paid by a company which is a resident of Malaysia to a company which is a resident of Ireland and which controls directly or indirectly 10 per cent or more of the voting power in the company paying the dividend, the credit shall take into account [in addition to any Malaysian tax creditable under the provisions of subparagraph (a)] Malaysian tax payable by the company in respect of the profits out of which such dividend is paid

3. For the purposes of subparagraph (b) of paragraph 2, the term "Malaysian tax payable" shall be deemed to include Malaysian tax which would, under the laws of Malaysia and in accordance with this Agreement, have been payable on any income derived from sources in Malaysia had the income not been taxed at a reduced rate or exempted from Malaysian tax in accordance with:

(a) Section 133A of the Income Tax Act 1967 of Malaysia; or

(b) Sections 22, 23, 29, 29A to 29H, 31E and 41B of the Promotion of Investments Act 1986 of Malaysia, so far as the sections have not been modified since the date of signature of this Agreement or have been modified only in minor respects so as not to affect their general character; or

(c) any other provisions which may subsequently be made granting an exemption or reduction of tax which is agreed by the competent authorities of the Contracting States to be of a substantially similar character, if it has not been modified thereafter or has been modified only in minor respects so as not to affect its general character.

4. Credit for tax which is deemed to be included in Malaysian tax payable under the provisions of paragraph 3 shall be restricted to an amount such that the sum of Malaysian tax paid in respect of that part of the profits of the company out of which the dividend is paid and Irish tax paid in respect of such dividend shall not be less than 50 per cent of the Irish tax attributable to such dividend if no credit or deduction had been allowed for Malaysian tax.

5. Relief from Irish tax by virtue of paragraph 3 shall not be granted after 31 December, 2009.

6. The period of relief provided for in paragraph 5 may be extended by agreement between the Contracting States.

7. For the purposes of paragraph 2 profits, income or gains owned by a resident of Ireland which may be taxed in Malaysia in accordance with this Agreement shall be deemed to be derived from sources in Malaysia.

Article 24

LIMITATION OF RELIEF

Where, under any provision of this Agreement, income or gains is or are wholly or partly relieved from tax in a Contracting State and, under the laws in force in the other Contracting State, an individual, in respect of the said income or gains, is subject to tax by reference to the amount thereof which is remitted to or received in that other State, and not by reference to the full amount thereof, then the relief to be allowed under this Agreement in the first-mentioned State shall apply only to so much of the income or gains as is remitted to or received in that other State.

Article 25

NON-DISCRIMINATION

1. Nationals of a Contracting State shall not be subjected in the other Contracting State to any taxation or any requirement connected therewith which is other or more burdensome than the taxation and connected requirements to which nationals of that other State in the same circumstances, in particular with respect to residence, are or may be subjected.
2. The taxation on a permanent establishment which an enterprise of a Contracting State has in the other Contracting State shall not be less favourably levied in that other State than the taxation levied on enterprises of that other State carrying on the same activities.
3. Except where the provisions of paragraph 1 of Article 9, paragraph 5 of Article 11, or paragraph 6 of Article 12, apply, interest, royalties and other disbursements paid by an enterprise of a Contracting State to a resident of the other Contracting State shall, for the purpose of determining the taxable profits of such enterprise, be deductible under the same conditions as if they had been paid to a resident of the first-mentioned State provided that in such cases those conditions which are applicable to payments to non-residents with regards to withholding taxes under the domestic laws of the first-mentioned State are fulfilled.
4. Enterprises of a Contracting State, the capital of which is wholly or partly owned or controlled, directly or indirectly, by one or more residents of the other Contracting State, shall not be subjected in the first-mentioned Contracting State to any taxation or any requirement connected therewith which is other or more burdensome than the taxation and connected requirements to which other similar enterprises of that first-mentioned State are or may be subjected.
5. Nothing in this Article shall be construed as obliging:
 - (a) a Contracting State to grant to individuals who are resident of the other Contracting State any personal allowances, reliefs and reductions for tax purposes on account of civil status or family responsibilities which it grants to its own residents;
 - (b) Malaysia to grant to nationals of Ireland not resident in Malaysia those personal allowances, reliefs and reductions for tax purposes which are by law available on the date of signature of this Agreement only to nationals of Malaysia who are not resident in Malaysia.

Article 26

MUTUAL AGREEMENT PROCEDURE

1. Where a resident of a Contracting State considers that the actions of one or both of the Contracting States result or will result for him in taxation not in accordance with this Agreement, he may, notwithstanding the remedies provided by the taxation laws of those States, present his case to the competent authority of the Contracting State of which he is a resident or, if his case comes under paragraph 1 of Article 25, to that of the State of which he is a national. The case must be presented within three years from the first notification of the action resulting in taxation not in accordance with the provisions of this Agreement

2. The competent authority shall endeavour, if the objection appears to it to be justified and if it is not itself able to arrive at a satisfactory solution, to resolve the case by mutual agreement with the competent authority of the other Contracting State, with a view to the avoidance of taxation which is not in accordance with this Agreement. Any agreement reached shall be implemented notwithstanding any time limits in the domestic law of the Contracting States.

3. The competent authorities of the Contracting States shall endeavour to resolve by mutual agreement any difficulties or doubts arising as to the interpretation or application of this Agreement. They may also consult together for the elimination of double taxation in cases not provided for in this Agreement.

4. The competent authorities of the Contracting States may communicate with each other directly for the purposes of reaching an agreement in the sense of the preceding paragraphs.

Article 27

EXCHANGE OF INFORMATION

1. The competent authorities of the Contracting States shall exchange such information as is necessary for carrying out the provisions of this Agreement or of the domestic laws of the Contracting States concerning taxes covered by the Agreement insofar as the taxation thereunder is not contrary to the Agreement. Any information so exchanged shall be treated as secret in the same manner as information obtained under the domestic laws of that State and shall be disclosed only to persons or authorities (including courts and administrative bodies) involved in the assessment or collection of, the enforcement or prosecution in respect of, or the determination of appeals in relation to, the taxes covered by the Agreement. Such persons or authorities shall use the information only for such purposes. They may disclose the information in public court proceedings or in judicial decisions.

2. In no case shall the provisions of paragraph 1 be construed so as to impose on a Contracting State the obligation:

- (a) to carry out administrative measures at variance with the laws or the administrative practice of that or of the other Contracting State;
- (b) to supply particulars which are not obtainable under the laws or in the normal course of the administration of that or of the other Contracting State;
- (c) to supply information which would disclose any trade, business, industrial, commercial or professional secret or trade process, or information, the disclosure of which would be contrary to public policy.

Article 28

MEMBERS OF DIPLOMATIC MISSIONS AND CONSULAR POSTS

Nothing in this Agreement shall affect the fiscal privileges of members of diplomatic missions or consular posts under the general rules of international law or under the provisions of special agreements.

Article 29

ENTRY INTO FORCE

1. Each of the Contracting States shall notify to the other the completion of the procedure required by its law for the bringing into force of this Agreement.

2. The Agreement shall enter into force on the date of receipt of the later of these notifications and shall thereupon have effect:

(a) in Malaysia:

(i) in respect of taxes withheld at source, to income derived on or after the first day of January in the calendar year following the year in which this Agreement enters into force;

(ii) in respect of other taxes on income, to taxes chargeable for any year of assessment beginning on or after the first day of January of the second calendar year following the year in which this Agreement enters into force.

(b) in Ireland:

(i) in respect of income tax and capital gains tax, for any year of assessment beginning on or after the sixth day of April in the calendar year next following the calendar year in which this Agreement enters into force;

(ii) in respect of corporation tax, for any financial year beginning on or after the first day of January in the calendar year next following the year in which this Agreement enters into force.

Article 30

TERMINATION

This Agreement shall remain in effect indefinitely, but either Contracting State may terminate the Agreement, through diplomatic channels, by giving to the other Contracting State written notice of termination on or before the thirtieth day of June in any calendar year after the period of five years from the date on which this Agreement enters into force. In such an event the Agreement shall cease to have effect:

(a) in Malaysia:

(i) in respect of taxes withheld at source, to income derived on or after the first day of January in the calendar year following the year in which the notice is given;

(ii) in respect of other taxes on income, to taxes chargeable for any year of assessment beginning on or after the first day of January in the second calendar year following the year in which the notice is given.

(b) in Ireland:


(i) in respect of income tax and capital gains tax, for any year of assessment beginning on or after the sixth day of April in the calendar year next following the year in which the notice is given;

(ii) in respect of corporation tax, for any financial year beginning on or after the first day of January in the calendar year next following the year in which the notice is given.

IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorised thereto, by their respective Governments, have signed this Agreement.

DONE in duplicate at Kuala Lumpur, this 28th day November, of 1978, in the Malay and the English languages, the two texts being equally authentic. In the event of there being a dispute in the interpretation and the application of this Agreement, the English text shall prevail.

|
|



For the Government of
Ireland



For the Government of
Malaysia

[MALAY TEXT – TEXTE MALAIS]

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN IRELAND
DENGAN KERAJAAN MALAYSIA
BAGI PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN PENCEGAHAN
PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI ATAS PENDAPATAN**

**KERAJAAN IRELAND
DAN
KERAJAAN MALAYSIA**

BERHASRAT untuk membuat suatu Perjanjian bagi pengelakan cukai dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti yang berikut:

Perkara 1

ORANG YANG DILIPUTI

Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang yang merupakan pemastautin di satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai atas pendapatan yang dikenakan oleh suatu Negara Pejanji, tanpa mengira cara cukai itu dilevikan.
2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai atas pendapatan segala cukai yang dikenakan atas jumlah pendapatan atau atas elemen pendapatan, termasuk cukai atas laba daripada pemberian hakmilik harta alih atau tak alih.
3. Cukai yang sedia ada yang baginya Perjanjian ini terpakai ialah:
 - (a) di Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan; dan
 - (ii) cukai pendapatan petroleum;(kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia");
 - (b) di Ireland:
 - (i) cukai pendapatan;
 - (ii) cukai syarikat; dan
 - (iii) cukai perolehan modal;(kemudian daripada ini disebut "cukai Ireland").
4. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai atas pendapatan yang serupa atau yang sebahagian besarnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai yang sedia ada. Pihak berkuasa berwajib Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian masing-masing.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - (a) istilah "Malaysia" ertinya wilayah Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia dan dasar laut dan tanah bawah perairan wilayah itu, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melewati batasan perairan wilayah Malaysia, dan dasar laut dan tanah bawah mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau boleh kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploitasi sumber alam, sama ada hidup atau tidak hidup;
 - (b) istilah "Ireland" termasuklah mana-mana kawasan di luar perairan wilayah Ireland yang, mengikut undang-undang antarabangsa, telah atau boleh kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Ireland mengenai Pelantar Benua, sebagai suatu kawasan yang di dalamnya hak Ireland berkenaan dengan dasar laut dan tanah bawah dan sumber alamnya boleh dijalankan;
 - (c) istilah "suatu Negara Pejanji" dan "Negara Pejanji yang satu lagi" ertinya Malaysia atau Ireland, mengikut kehendak konteks;
 - (d) istilah "orang" termasuklah seseorang individu, suatu syarikat, amanah, estet dan mana-mana kumpulan orang yang lain yang dikira sebagai orang bagi maksud cukai;
 - (e) istilah "syarikat" ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau mana-mana entiti yang dikira sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud cukai;
 - (f) istilah "perusahaan suatu Negara Pejanji" dan "perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi" masing-masingnya bererti suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin di suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin di Negara Pejanji yang satu lagi;
 - (g) istilah "cukai" ertinya cukai Malaysia atau cukai Ireland, mengikut kehendak konteks;
 - (h) istilah "rakyat" ertinya mana-mana warganegara suatu Negara Pejanji dan mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan atau mana-mana entiti yang lain yang memperoleh tarafnya yang sedemikian daripada undang-undang yang berkuat kuasa di suatu Negara Pejanji;
 - (i) istilah "lalu lintas antarabangsa" ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji.

kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat di Negara Pejanji yang satu lagi;

- (j) istilah "pihak berkuasa berwibawa" ertinya:
 - (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa; dan
 - (ii) dalam hal Ireland, Pesuruhjaya Hasil atau wakilnya yang diberi kuasa.

2. Dalam pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan dalam Perjanjian ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara itu mengenai cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah "pemastautin suatu Negara Pejanji" ertinya:
 - (a) dalam hal Malaysia, seseorang yang ialah pemastautin di Malaysia bagi maksud cukai Malaysia; dan
 - (b) dalam hal Ireland, seseorang yang ialah pemastautin di Ireland bagi maksud cukai Ireland.
2. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1, seseorang individu ialah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti yang berikut:
 - (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya; jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dengannya hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan utama);
 - (b) jika Negara di mana dia mempunyai pusat kepentingan utamanya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di mana-mana satu Negara, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - (c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara itu, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dia ialah seorang rakyatnya;

- (d) jika dia seorang rakyat kedua-dua Negara atau bukan rakyat kedua-dua Negara itu, pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu melalui persetujuan bersama.
3. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1 seseorang selain seorang individu ialah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka orang itu hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana tempat pengurusan yang berkesan terletak.

Perkara 5

ESTABLISMEN TETAP

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah "establismen tetap" ertinya sesuatu tempat perniagaan yang tetap yang melaluinya keseluruhan atau sebahagian perniagaan sesuatu perusahaan dijalankan.
2. Istilah "establismen tetap" termasuklah khususnya:
 - (a) sesuatu tempat pengurusan;
 - (b) sesuatu cawangan;
 - (c) sesuatu pejabat;
 - (d) sesuatu kilang;
 - (e) sesuatu bengkel;
 - (f) sesuatu lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau mana-mana tempat pengekstrakan sumber alam yang lain.
3. Sesuatu tapak bangunan atau pembinaan, projek pemasangan atau pemasangan menjadi establismen tetap hanya jika tapak atau projek itu berlanjutan lebih dari 9 bulan.
4. Walau apa pun peruntukan yang terdahulu Perkara ini, istilah "establismen tetap" hendaklah disifatkan tidak termasuk:
 - (a) penggunaan kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pempameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;
 - (b) penyenggaraan sesuatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pempameran atau penyerahan;
 - (c) penyenggaraan sesuatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud pemprosesan oleh perusahaan yang lain;

- (d) penyenggaraan sesuatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pembelian barang-barang atau dagangan, atau pengumpulan maklumat, bagi perusahaan itu;
- (e) penyenggaraan sesuatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud menjalankan apa-apa aktiviti yang lain yang bersifat persediaan atau tambahan bagi perusahaan itu;
- (f) penyenggaraan sesuatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi apa-apa kombinasi aktiviti yang disebut dalam subperenggan (a) hingga (e), dengan syarat bahawa keseluruhan aktiviti tempat perniagaan yang tetap yang dihasilkan daripada kombinasi ini bersifat persediaan atau tambahan.

5. Sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika Negara Pejanji itu menjalankan aktiviti penyeliaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu selama lebih dari 6 bulan berkaitan dengan suatu tapak bangunan atau projek pembinaan, pemasangan atau pepasangan yang sedang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

6. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2, jika seseorang - selain ejen bertaraf bebas yang baginya perenggan 7 terpakai - bertindak di suatu Negara Pejanji bagi pihak sesuatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, perusahaan itu hendaklah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang mula-mula disebut berkenaan dengan apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh orang itu bagi perusahaan itu, sekiranya orang itu:

- (a) ada, dan lazimnya menjalankan di Negara itu suatu kuasa untuk membuat kontrak atas nama perusahaan itu, melainkan jika aktiviti orang itu terhad kepada aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan 4 yang, jika dijalankan melalui suatu tempat perniagaan yang tetap, tidak akan menjadikan tempat perniagaan yang tetap ini suatu establismen tetap di bawah peruntukan perenggan itu; atau
- (b) menyenggarakan di Negara yang mula-mula disebut stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan yang daripadanya dia biasa menerima dan memenuhi tempahan bagi pihak perusahaan itu.

7. Sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji tidak boleh disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di suatu Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu melalui broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang itu bertindak dalam perjalanan biasa urusan mereka.

Walaupun bagaimanapun, apabila aktiviti ejen sedemikian ditumpukan keseluruhannya atau hampir keseluruhannya bagi pihak perusahaan itu, dia tidaklah boleh dianggap sebagai ejen yang bertaraf bebas jika urusan niaga antara ejen dan perusahaan itu tidak dibuat di bawah syarat-syarat yang bebas daripada apa-apa pengaruh.

8. Hakikat bahawa sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya), tidaklah dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establismen tetap syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih (termasuk pendapatan daripada pertanian atau perhutanan) yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Istilah "harta tak alih" hendaklah mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang berkenaan itu terletak. Istilah itu hendaklah dalam apa-apa hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak yang baginya peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai, usufruk harta tak alih dan hak kepada pembayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi pengerjaan, atau hak untuk mengerjakan, mendapan mineral, sumber dan sumber alam yang lain; kapal, bot dan pesawat udara tidak boleh dianggap sebagai harta tak alih.
3. Peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai bagi pendapatan yang diperoleh daripada penggunaan langsung, penyewaan, atau penggunaan harta tak alih dalam apa-apa bentuk lain.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga terpakai bagi pendapatan daripada harta tak alih sesuatu perusahaan dan bagi pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan persendirian bebas.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan seperti yang disebut terdahulu, keuntungan perusahaan itu bolehlah dicukai di Negara yang satu lagi tetapi hanya bagi sekian banyak keuntungannya yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.
2. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 3, jika sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang

tetap itu keuntungan yang mungkin dijangkakan dapat dibuat olehnya jika perusahaan itu ialah suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan yang berurusan dengan sepenuh kebebasan dengan perusahaan yang baginya ia ialah establismen tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan sesuatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud establismen tetap, termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am yang dilakukan sedemikian, sama ada dilakukan di Negara di mana establismen tetap itu terletak atau di tempat lain.

4. Setakat menjadi kebiasaan di suatu Negara Pejanji untuk menentukan keuntungan yang hendak dikaitkan dengan sesuatu establismen tetap atas dasar pengagihan jumlah keuntungan perusahaan itu kepada berbagai-bagai bahagian, tiada apa-apa jua dalam perenggan 2 boleh menghalang Negara Pejanji itu daripada menentukan keuntungan yang akan dicukai dengan pengagihan sedemikian sebagaimana yang menjadi kebiasaan; cara pengagihan yang digunakan hendaklah, bagaimanapun, suatu cara yang sedemikian rupa supaya hasilnya selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perkara ini.

5. Jika maklumat yang ada pada pihak berkuasa berwibawa tidak mencukupi untuk menentukan keuntungan yang akan dikaitkan dengan establismen tetap sesuatu perusahaan, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang Negara itu berhubungan dengan penentuan tanggungan cukai seseorang melalui budi bicara yang digunakan atau perbuatan anggaran oleh pihak berkuasa berwibawa itu, dengan syarat bahawa undang-undang itu hendaklah dipakai, setakat maklumat yang ada pada pihak berkuasa berwibawa itu membenarkan, mengikut prinsip Perkara ini.

6. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap semata-mata kerana establismen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan bagi perusahaan itu.

7. Bagi maksud perenggan yang terdahulu, keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap itu hendaklah ditentukan melalui kaedah yang sama dari tahun ke tahun melainkan jika ada sebab yang baik dan mencukupi untuk melakukan sebaliknya.

8. Jika keuntungan termasuk butiran pendapatan yang dipergunakan secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan Perkara-Perkara itu tidak akan tersentuh oleh peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan yang diperoleh oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu sahaja.

2. Bagi maksud Perkara ini, keuntungan yang diperoleh daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa termasuklah keuntungan yang diperoleh daripada penyewaan kapal atau pesawat udara jika keuntungan daripada penyewaan sedemikian adalah sampingan kepada keuntungan lain yang diperihalkan dalam perenggan 1.

3. Peruntukan Perenggan 1 hendaklah juga terpakai bagi bahagian keuntungan sesuatu perusahaan daripada penyertaan dalam sesuatu kumpulan, perniagaan bersama atau agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9

PERUSAHAAN BERSEKUTU

1. Jika -

- (a) sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi; atau
- (b) orang yang sama menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji dan sesuatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam mana-mana satu hal syarat-syarat dibuat atau dikenakan antara kedua-dua perusahaan itu dalam hubungan komersial atau kewangan mereka yang berbeza daripada apa yang akan dibuat antara perusahaan-perusahaan bebas, maka apa-apa keuntungan yang, jika tidak kerana syarat-syarat itu, sepatutnya telah terakru kepada salah satu perusahaan itu, tetapi oleh kerana syarat-syarat itu telah tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

2. Jika suatu Negara Pejanji memasukkan dalam keuntungan sesuatu perusahaan Negara itu - dan mengenakan cukai dengan sewajarnya - keuntungan yang atasnya suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu dan keuntungan yang dimasukkan sedemikian itu ialah keuntungan yang sepatutnya telah terakru kepada perusahaan Negara yang mula-mula disebut itu jika syarat-syarat yang dibuat antara kedua-dua perusahaan itu merupakan syarat-syarat yang akan dibuat antara perusahaan-perusahaan bebas, maka Negara yang satu lagi itu boleh membuat suatu pelarasan yang sesuai kepada jumlah cukai yang dikenakan di dalam Negara itu ke atas keuntungan itu jika Negara yang satu lagi itu berpendapat bahawa pelarasan itu adalah patut. Dalam menentukan pelarasan sedemikian, hendaklah diambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji hendaklah jika perlu berunding antara satu sama lain.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin di suatu Negara Pejanji kepada pemastautin di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, dividen sedemikian boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana syarikat yang membayar dividen itu merupakan pemastautin dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima ialah pemunya benefisial dividen itu cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus daripada jumlah kasar dividen itu.

Perenggan ini tidaklah menyentuh pencukaaian syarikat itu berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen itu dibayar.

3. Istilah "dividen" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer atau hak lain, yang bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan, dan juga pendapatan daripada hak perbadanan lain yang tertakluk kepada kaedah pencukaaian yang sama sebagaimana pendapatan daripada syer oleh undang-undang Negara di mana syarikat yang membuat pengagihan itu merupakan pemastautin dan juga termasuklah apa-apa butiran lain yang, di bawah undang-undang Negara Pejanji di mana syarikat yang membayar dividen itu merupakan pemastautin, dianggap sebagai dividen atau pengagihan sesuatu syarikat.

4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, yang merupakan pemastautin di suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi, di mana syarikat yang membayar dividen itu merupakan pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian yang bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, dan pemegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau 14, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.

5. Jika sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin di suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, maka Negara yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat yang dividen itu dibayar kepada pemastautin Negara yang satu lagi itu atau setakat yang pemegangan yang berkenaannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan sesuatu establismen atau pusat kegiatan tetap yang terletak di Negara yang satu lagi itu, atau menjadikan keuntungan yang tak diagihkan syarikat itu tertakluk kepada suatu cukai atas keuntungan yang tak diagihkan, walaupun dividen yang dibayar atau keuntungan yang tak diagihkan itu terdiri keseluruhannya atau sebahagiannya daripada pendapatan atau keuntungan yang terbit di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana bunga itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima ialah pemunya benefisial bunga itu, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus daripada jumlah kasar bunga itu.
3. Walau apa pun peruntukan perenggan 2, bunga yang terbit di suatu Negara Pejanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara itu jika:
 - (a) bunga itu diperolehi dan dipunyai secara benefisial oleh Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi itu, badan berkanunnya, atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya, atau bank pusat Negara itu, atau oleh mana-mana agensi atau badan perantaraan, atau mana-mana institusi kewangan yang dipunyai keseluruhannya oleh, Kerajaan itu; atau
 - (b) bunga itu dibayar berkenaan dengan pinjaman yang dibuat, dijamin atau diinsuranskan, atau apa-apa tuntutan hutang atau kredit yang lain yang dijamin atau diinsuranskan oleh Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi itu, badan berkanunnya, atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya, atau bank pusat Negara itu, atau oleh mana-mana agensi atau badan perantaraan, atau mana-mana institusi kewangan yang dipunyai keseluruhannya oleh, Kerajaan itu.
4. Bagi maksud perenggan 3, istilah "bank pusat", "agensi", "badan perantaraan" dan "institusi kewangan yang dipunyai keseluruhannya oleh Kerajaan itu" ertinya:
 - (a) dalam hal Malaysia:
 - (i) Bank Negara Malaysia;
 - (ii) Bank Eksport-Import Malaysia; dan
 - (iii) mana-mana agensi atau badan perantaraan yang lain, dan mana-mana institusi kewangan yang lain yang dipunyai keseluruhannya oleh, Kerajaan Malaysia sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji;

- (b) dalam hal Ireland:
 - (i) Bank Pusat Ireland; dan
 - (ii) mana-mana agensi atau badan perantara yang lain, dan mana-mana institusi kewangan yang lain yang dipunyai keseluruhannya oleh Kerajaan Ireland sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji.

5. Istilah "bunga" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada semua jenis tuntutan hutang, sama ada dicagarkan secara gadai janji atau tidak dan sama ada membawa hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon atau debentur, tetapi tidak termasuk apa-apa pendapatan yang dikira sebagai dividen di bawah Perkara 10. Caj penalti yang dikenakan kerana pembayaran yang lewat tidak boleh dianggap sebagai bunga bagi maksud Perkara ini.

6. Peruntukan perenggan 1 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial bunga itu, yang merupakan pemastautin di suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana bunga itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian yang bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 14, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.

7. Bunga hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji apabila pembayarannya ialah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan, badan berkanunnya, atau pemastautin di Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar bunga itu, sama ada dia merupakan pemastautin di suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengannya keterhutangan yang atasnya bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh establismen atau pusat kegiatan tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan terbit di Negara di mana establismen atau pusat kegiatan tetap itu terletak.

8. Jika, oleh sebab perhubungan istimewa antara pembayar dan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan mana-mana orang lain, jumlah bunga yang dibayar, dengan mengambil kira tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, melebihi jumlah yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi jumlah faedah yang terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian selebihnya bayaran itu tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, royalti sedemikian boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana royalti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima ialah pemunya benefisial royalti itu, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 8 peratus daripada jumlah kasar royalti itu.
3. Istilah "royalti" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis pembayaran yang diterima sebagai balasan bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan, apa-apa hak cipta karya kesusasteraan, kesenian atau saintifik (termasuk wayang gambar atau filem, atau rakaman pada pita atau media lain yang digunakan bagi penyiaran radio atau televisyen atau cara pengeluaran semula atau pancaran yang lain), apa-apa paten, cap dagangan, reka bentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan kelengkapan perindustrian, komersial atau saintifik, atau bagi maklumat (kepandaian) mengenai pengalaman perindustrian, komersial atau saintifik.
4. Peruntukan perenggan 1 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang merupakan pemastautin di suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 14, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
5. Royalti hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau, badan berkanunnya, atau pemastautin di Negara itu. Jika, bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia merupakan pemastautin di suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen atau pusat kegiatan tetap, yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti sedemikian ditanggung oleh establismen atau pusat kegiatan tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan terbit di Negara di mana establismen atau pusat kegiatan tetap itu terletak.
6. Jika, oleh sebab perhubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan mana-mana orang lain, jumlah royalti, dengan mengambil kira penggunaan, hak atau maklumat yang baginya royalti itu dibayar, melebihi jumlah yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi jumlah yang terakhir disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian selebihnya bayaran itu tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan mengambil kira sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 13

PEROLEHAN DARIPADA PEMBERIMILIKAN HARTA

1. Perolehan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberimilikan harta tak alih yang disebut dalam Perkara 6 dan terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Perolehan daripada pemberimilikan syer, hak atau kepentingan dalam sesuatu syarikat, dalam mana-mana orang di sisi undang-undang yang lain atau dalam perkongsian, yang asetnya terdiri daripada terutamanya, atau daripada hak dalam, harta tak alih yang terletak di suatu Negara Pejanji atau daripada syer-syer dalam syarikat yang asetnya terdiri daripada terutamanya, atau daripada hak dalam, harta tak alih sedemikian yang terletak di suatu Negara Pejanji boleh dicukai di Negara di mana harta tak alih itu terletak jika, di bawah undang-undang Negara itu, perolehan sedemikian adalah tertakluk kepada kaedah pencukaian yang sama sebagaimana perolehan daripada pemberimilikan harta tak alih.
3. Perolehan, selain yang diperkatakan dalam perenggan 2, daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan establismen tetap yang dipunyai oleh perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang berkaitan dengan pusat kegiatan tetap yang tersedia bagi pemastautin suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan persendirian bebas, termasuk apa-apa perolehan daripada pemberimilikan establismen tetap sedemikian (bersendirian atau dengan keseluruhan perusahaan), atau daripada pusat kegiatan tetap itu, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
4. Perolehan oleh perusahaan suatu Negara Pejanji daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa, atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara itu, boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu.
5. Perolehan daripada pemberimilikan apa-apa harta, selain yang disebut dalam perenggan yang terdahulu, boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji di mana pemberi milik itu merupakan seorang pemastautin.

Perkara 14

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN BEBAS

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seseorang pemastautin di suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti bebas yang lain yang serupa jenisnya boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu. Walau bagaimanapun, dalam hal keadaan yang berikut pendapatan sedemikian boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi:

- (a) jika dia mempunyai pusat kegiatan tetap yang biasanya tersedia untuknya di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi maksud menjalankan aktivitinya; dalam hal itu, hanya sekian banyak daripada pendapatannya yang boleh dikaitkan dengan pusat kegiatan tetap itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu; atau
- (b) jika dia tinggal di Negara Pejanji yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang terjumlah kepada atau yang pada agregatnya melebihi 183 hari dalam tahun fiskal yang berkenaan; dalam hal itu, hanya sekian banyak daripada pendapatannya yang diperoleh daripada aktiviti yang dijalankannya di Negara yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Istilah "perkhidmatan profesional" termasuklah khususnya aktiviti bebas saintifik, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran dan juga aktiviti bebas pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor pergigian dan akauntan.

Perkara 15

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN TIDAK BEBAS

1. Tertakluk kepada peruntukan Perkara 16, 18 dan 19 gaji, upah dan saraan lain yang seumpamanya yang diperoleh oleh pemastautin di suatu Negara Pejanji berkenaan dengan sesuatu pekerjaan boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan sedemikian, apa-apa saraan yang diperoleh daripadanya boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1, saraan yang diperoleh oleh pemastautin di suatu Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai hanya di Negara yang mula-mula disebut itu jika:
 - (a) penerima itu berada di Negara yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang bermula atau berakhir dalam tahun fiskal yang berkenaan, dan
 - (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang majikan yang bukan merupakan pemastautin Negara yang satu lagi itu, dan
 - (c) saraan itu tidak ditanggung oleh suatu establismen atau pusat kegiatan tetap yang dipunyai oleh majikan itu di Negara yang satu lagi itu.
3. Walau apa pun peruntukan yang terdahulu Perkara ini, saraan berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau di dalam pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji boleh dicukai di Negara itu.

Perkara 16

FI PENGARAH

Fi pengarah dan pembayaran yang seumpamanya yang diperoleh oleh seseorang pemastautin di suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah syarikat yang merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 17

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walau apa pun peruntukan Perkara 14 dan 15, pendapatan yang diperoleh oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai penghibur, seperti seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau pemuzik, atau sebagai olahragawan, daripada aktiviti persendirian yang sedemikian yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seseorang penghibur atau seseorang olahragawan atas sifatnya yang sedemikian terakru bukan kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi terakru kepada orang lain, pendapatan itu boleh, walau apa pun peruntukan Perkara 7, 14 dan 15, dicukai di Negara Pejanji di mana aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.
3. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai bagi saraan atau keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti yang dijalankan di suatu Negara Pejanji jika lawatan ke Negara itu secara langsung atau tak langsung disokong keseluruhannya atau sebahagian besarnya daripada kumpulan wang awam Negara Pejanji yang satu lagi, suatu subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 18

PENCEN DAN ANUITI

1. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 Perkara 19, apa-apa pencen dan saraan seumpamanya yang lain untuk pekerjaan yang lalu atau apa-apa anuiti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada seseorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai hanya di Negara yang satu lagi itu.
2. Istilah "anuiti" ertinya sejumlah wang tertentu yang kena dibayar secara berkala pada masa tertentu, semasa hayatnya atau dalam tempoh masa yang dinyatakan atau yang boleh ditentukan di bawah obligasi untuk membuat bayaran itu sebagai balasan bagi balasan yang memadai dan penuh dalam bentuk wang atau nilai wang.

Perkara 19

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) Gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain, selain pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau suatu subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa atau badan dalam menunaikan fungsi yang berupa fungsi kerajaan boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.
- (b) Walau bagaimanapun, gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain itu, boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang satu lagi jika perkhidmatan itu diberikan di Negara yang satu lagi itu dan penerima itu merupakan pemastautin di Negara itu yang:
 - (i) juga rakyat Negara itu; atau
 - (ii) tidak menjadi pemastautin di Negara yang satu lagi itu semata-mata bagi maksud memberikan perkhidmatan itu.
2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji atau subbahagian atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau subbahagian atau pihak berkuasa atau badannya itu boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.
3. Peruntukan Perkara 15, 16 dan 18 hendaklah terpakai bagi gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain atau pencen yang berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 20

PENUNTUT DAN PELATIH

1. Seseorang individu yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji sebaik sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan yang berada sementara di Negara yang satu lagi itu semata-mata:
 - (a) sebagai seorang penuntut di universiti, kolej, sekolah yang diiktiraf atau institusi pendidikan seumpamanya yang lain yang diiktiraf di Negara yang satu lagi itu;
 - (b) sebagai seorang perantis perniagaan atau teknik; atau

- (c) sebagai seorang penerima suatu pemberian, elaun atau hadiah bantuan bagi maksud utama pengajian, penyelidikan atau latihan daripada Kerajaan salah satu Negara atau daripada organisasi sains, pendidikan, agama atau khairat atau di bawah suatu program bantuan teknik yang dibuat oleh Kerajaan salah satu Negara,

hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu atas:

- (i) semua peremitan dari luar negara bagi maksud penyaraan, pendidikan, pengajian, penyelidikan atau latihannya;
- (ii) jumlah pemberian, elaun atau hadiah bantuan itu; dan
- (iii) apa-apa saraan yang tidak melebihi suatu jumlah yang bersamaan dengan 3000 Dollar Amerika Syarikat setahun berkenaan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Negara yang satu lagi itu dengan syarat perkhidmatan itu adalah berkaitan dengan pengajian, penyelidikan atau latihannya atau perlu bagi maksud penyaraannya.

Perkara 21

PENSYARAH DAN PENYELIDIK

1. Seseorang individu yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji sebaik sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan yang, atas jemputan mana-mana universiti awam, kolej awam, institusi awam yang maksud utamanya ialah maksud penyelidikan atau institusi awam seumpamanya yang lain, melawat Negara yang satu lagi itu bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun semata-mata bagi maksud pengajaran atau penyelidikan atau kedua-duanya di institusi awam yang sedemikian hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu atas apa-apa saraan bagi pengajaran atau penyelidikan sedemikian bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh dia mula melawat Negara itu bagi maksud sedemikian.

2. Perkara ini tidaklah terpakai bagi saraan daripada penyelidikan jika penyelidikan sedemikian diusahakan terutamanya bagi faedah persendirian orang atau orang-orang tertentu.

Perkara 22

PENDAPATAN LAIN

1. Butiran pendapatan seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji yang tidak disebut dengan nyata dalam Perkara terdahulu Perjanjian ini boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu kecuali jika pendapatan sedemikian diperoleh daripada sumber di Negara Pejanji yang satu lagi. pendapatan itu boleh juga dikenakan di Negara yang satu lagi.

2. Peruntukan perenggan 1 tidaklah terpakai bagi pendapatan, selain pendapatan daripada harta tak alih sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, jika pemunya benefisial pendapatan itu, yang merupakan pemastautin di suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaannya di Negara Pejanji yang satu lagi melalui establismen tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari pusat kegiatan tetap yang terletak di Negara yang satu lagi itu, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya pendapatan itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen atau pusat kegiatan tetap sedemikian. Dalam hal sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 14, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.

Perkara 23

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Tertakluk kepada undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar di mana-mana negara selain Malaysia, cukai Ireland yang kena dibayar di bawah undang-undang Ireland dan mengikut Perjanjian ini oleh seseorang pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh dari Ireland hendaklah dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu. Jika pendapatan itu merupakan dividen yang dibayar oleh syarikat yang merupakan pemastautin Ireland kepada syarikat yang merupakan pemastautin Malaysia dan yang mempunyai tidak kurang daripada 10 peratus syer mengundi syarikat yang membayar dividen, kredit itu hendaklah mengambil kira cukai Ireland yang kena dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan pendapatan yang daripadanya dividen itu dibayar. Kredit itu tidak boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai Malaysia itu, sebagaimana yang dihitung sebelum kredit itu diberikan, yang sesuai dengan butiran pendapatan sedemikian.

2. Tertakluk kepada peruntukan undang-undang Ireland berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Ireland bagi cukai yang kena dibayar di wilayah di luar Ireland (yang tidak akan menjejaskan prinsip am Perjanjian ini) -

- (a) Cukai Malaysia yang kena dibayar di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini, sama ada secara terus atau melalui pengurangan, atas keuntungan, pendapatan dan perolehan daripada sumber di dalam Malaysia (tidak termasuk dalam hal dividen cukai yang kena dibayar berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen itu dibayar) hendaklah dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap mana-mana cukai Ireland yang dihitung dengan merujuk kepada keuntungan, pendapatan dan perolehan yang sama yang dengan merujuk kepadanya cukai Malaysia dihitung;
- (b) dalam hal dividen yang dibayar oleh syarikat yang merupakan pemastautin Malaysia kepada syarikat yang merupakan pemastautin Ireland dan yang mengawal secara langsung atau tidak langsung 10 peratus atau lebih kuasa

mengambil kira (sebagai tambahan kepada mana-mana cukai Malaysia yang boleh dikreditkan di bawah peruntukan subperenggan (a)) cukai Malaysia yang kena dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen itu dibayar.

3. Bagi maksud subperenggan (b) perenggan 2, istilah "cukai Malaysia yang kena dibayar" hendaklah disifatkan termasuk cukai Malaysia yang akan, di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini, kena dibayar atas apa-apa pendapatan yang diperolehi daripada sumber di Malaysia sekiranya pendapatan itu tidak dicukai pada kadar yang dikurangkan atau dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut peruntukan :

- (a) Seksyen 133A Akta Cukai Pendapatan 1967, Malaysia; atau
- (b) Seksyen 22, 23, 29, 29A hingga 29H, 31E dan 41B Akta *Penggalakan Pelaburan* 1986, Malaysia, setakat yang seksyen itu tidak diubahsuai sejak tarikh Perjanjian ini ditandatangani atau telah diubahsuai hanya mengenai perkara kecil yang tidak menjejaskan ciri amnya; atau
- (c) apa-apa peruntukan lain yang mungkin dibuat kemudiannya yang memberikan pengecualian atau pengurangan cukai yang telah dipersetujui oleh pihak berkuasa berwajib Negara Pejanji sebagai peruntukan yang sebahagian besarnya mempunyai ciri yang seumpamanya, jika peruntukan itu tidak diubahsuai selepas itu atau diubahsuai hanya mengenai perkara kecil yang tidak menjejaskan ciri amnya.

4. Kredit bagi cukai yang disifatkan termasuk dalam cukai Malaysia yang kena dibayar di bawah peruntukan perenggan 3 hendaklah terhad kepada sesuatu jumlah agar jumlah daripada cukai Malaysia yang dibayar berkenaan dengan keuntungan syarikat yang daripadanya dividen dibayar dan cukai Ireland yang dibayar berkenaan dengan dividen hendaklah tidak kurang dari 50 peratus daripada cukai Ireland yang berkaitan dengan dividen sedemikian sekiranya tiada kredit atau pengurangan dibenarkan bagi cukai Malaysia.

5. Pelepasan daripada cukai Ireland menurut kuasa perenggan 3 tidak boleh diberikan selepas 31hb Disember 2009.

6. Tempoh pelepasan yang diperuntukkan dalam perenggan 5 boleh dilanjutkan melalui perjanjian antara Negara-Negara Pejanji.

7. Bagi maksud perenggan 2 keuntungan, pendapatan atau perolehan yang dipunyai oleh seseorang pemastautin Ireland yang boleh dicukai di Malaysia mengikut Perjanjian ini hendaklah disifatkan diperolehi daripada sumber di Malaysia.

Perkara 24

PEMBATASAN PELEPASAN

Jika, di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian ini, keseluruhan atau sebahagian pendapatan atau perolehan dilepaskan daripada cukai di suatu Negara Pejanji dan, di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negara Pejanji yang satu lagi, seseorang individu, berkenaan dengan pendapatan atau perolehan yang disebut itu, adalah tertakluk kepada cukai dengan merujuk kepada jumlah pendapatan atau perolehannya yang diremitkan kepada atau diterima di Negara yang satu lagi itu, dan tidak dengan merujuk kepada jumlah penuh pendapatan atau perolehannya itu, maka pelepasan yang dibenarkan di bawah Perjanjian ini di negara yang mula-mula disebut hendaklah terpakai hanya bagi sekian banyak pendapatan atau perolehan sebagaimana yang diremitkan kepada atau diterima di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 25

TIADA DISKRIMINASI

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang selain daripada atau lebih membebankan berbanding dengan pencukaian dan kehendak yang berkaitan yang kepadanya rakyat Negara yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama, khususnya berkenaan dengan permastautinan, adalah atau boleh menjadi tertakluk.
2. Pencukaian ke atas establimen tetap yang dipunyai oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi tidak boleh dilevikan secara kurang baik di Negara yang satu lagi itu berbanding dengan pencukaian yang dilevikan ke atas perusahaan Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti yang sama.
3. Kecuali dimana peruntukan perenggan 1 Perkara 9, perenggan 8 Perkara 11, atau perenggan 6 Perkara 12 terpakai, bunga, royalti dan pembayaran lain yang dibayar oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji kepada seseorang pemastautin di Negara Pejanji yang satu lagi boleh, bagi maksud menentukan keuntungan boleh cukai perusahaan itu, dipotong di bawah syarat-syarat yang sama seolah-olah bunga, royalti dan pembayaran lain itu telah dibayar kepada pemastautin di Negara yang mula-mula disebut itu dengan syarat bahawa dalam hal sedemikian syarat-syarat yang terpakai bagi pembayaran kepada bukan pemastautin tentang penahanan cukai di bawah undang-undang domestik Negara yang mula-mula disebut itu dipenuhi.
4. Perusahaan-perusahaan suatu Negara Pejanji, yang modalnya dipunyai atau dikawal sepenuhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tak langsung, oleh seorang pemastautin atau lebih di Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang lain daripada atau lebih membebankan berbanding dengan pencukaian dan kehendak yang berkaitan yang kepadanya perusahaan-perusahaan seumpamanya yang lain daripada Negara yang mula-mula disebut itu adalah atau boleh tertakluk.

5. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan:
- (a) suatu Negara Pejanji untuk memberi individu yang merupakan pemastautin di Negara Pejanji yang satu lagi apa-apa elaun, pelepasan dan pengurangan diri bagi maksud cukai berdasarkan taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikannya kepada pemastautinnya sendiri;
 - (b) Malaysia untuk memberi rakyat Ireland yang tidak bermastautin di Malaysia elaun, pelepasan dan pengurangan diri itu bagi maksud cukai yang menurut undang-undang, pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani; hanya boleh diberikan kepada rakyat Malaysia yang tidak bermastautin di Malaysia.

Perkara 26

TATACARA PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seseorang pemastautin Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan kepadanya pencucuaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian ini, dia boleh, walau apa pun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang pencucuaian Negara-Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa berwibawa di Negara Pejanji di mana dia merupakan pemastautinnya atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 25, kepada Negara Pejanji yang dia merupakan rakyatnya. Kes itu mestilah dikemukakan dalam masa tiga tahun dari pemberitahuan pertama mengenai tindakan yang mengakibatkan pencucuaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian ini.
2. Pihak berkuasa berwibawa itu hendaklah berusaha, jika didapatinya bahawa bantahan itu wajar dan jika pihak berkuasa berwibawa itu sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan mengelakkan pencucuaian yang tidak mengikut Perjanjian ini. Apa-apa perjanjian yang dicapai hendaklah dilaksanakan walau apa pun had masa dalam undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji.
3. Pihak-pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan, melalui persetujuan bersama, apa-apa kesulitan atau keraguan yang berbangkit tentang pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka boleh juga berunding bersama bagi penghapusan pencucuaian dua kali dalam hal yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.
4. Pihak-pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain secara langsung bagi maksud mencapai persetujuan mengikut maksud perenggan yang terdahulu.

Perkara 27

PERTUKARAN MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar apa-apa maklumat sebagaimana yang perlu bagi menjalankan peruntukan Perjanjian ini atau undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji berkenaan dengan cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini setakat yang pencukaaian di bawahnya tidak bercanggah dengan Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang ditukar sedemikian hendaklah dikira sebagai rahsia mengikut cara yang sama seperti maklumat yang didapati di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan-badan pentadbiran) yang terlibat dengan pentaksiran, pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau pemutusan rayuan berhubungan dengan, cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Orang atau pihak berkuasa itu hendaklah menggunakan maklumat sedemikian hanya bagi maksud itu. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman.

2. Peruntukan perenggan 1 tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas suatu Negara Pejanji kewajipan:

- (a) untuk menjalankan langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbiran Negara itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (b) untuk memberikan butiran yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (c) untuk memberikan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa rahsia atau proses perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional, atau maklumat, yang pendedahannya akan bertentangan dengan dasar awam.

Perkara 28

ANGGOTA MISI DIPLOMATIK DAN JAWATAN KONSUL

Tiada apa-apa jua pun dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal anggota misi diplomatik atau jawatan konsul di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan perjanjian khas.

Perkara 29

MULA BERKUAT KUASA

1. Setiap Negara Pejanji hendaklah memberitahu Negara yang satu lagi bahawa tatacara yang dikehendaki oleh undang-undang negaranya untuk menguatkuasakan Perjanjian ini semuanya sudah dipatuhi.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh penerimaan mana-mana pemberitahuan yang terkemudian dan hendaklah sesudah itu terus berkuat kuasa:

(a) di Malaysia:

- (i) berkenaan dengan cukai yang ditahan pada sumber, bagi pendapatan yang diperoleh pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuatkuasa;
- (ii) berkenaan dengan cukai lain atas pendapatan, bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar kedua yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuatkuasa.

(b) di Ireland:

- (i) berkenaan dengan cukai pendapatan dan cukai perolehan modal, bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari keenam bulan April dalam tahun kalendar yang berikut yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuatkuasa;
- (ii) berkenaan dengan cukai syarikat, bagi mana-mana tahun kewangan yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang berikut yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuatkuasa.

Perkara 30

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh yang tak terbatas, tetapi mana-mana satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberi Negara Pejanji yang satu lagi notis penamatan secara bertulis pada atau sebelum hari ketiga puluh bulan Jun dalam mana-mana tahun kalendar selepas tempoh lima tahun dari tarikh Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Dalam keadaan sedemikian, Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuatkuasa:

(a) di Malaysia:

- (i) berkenaan dengan cukai yang ditahan pada sumber, bagi pendapatan yang diperoleh pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya notis diberikan;

- (ii) berkenaan dengan cukai lain atas pendapatan, bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar kedua yang mengikuti tahun yang dalam nya notis itu diberikan.
- (b) di Ireland:
- (i) berkenaan dengan cukai pendapatan dan cukai perolehan modal, bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari keenam bulan April dalam tahun kalendar berikut yang mengikuti tahun yang dalam nya notis itu diberikan;
 - (ii) berkenaan dengan cukai syarikat, bagi mana-mana tahun kewangan yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar berikut yang mengikuti tahun yang dalam nya notis itu diberikan.

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 28 hari bulan November 1998, dalam bahasa Melayu dan Inggeris, kedua-dua teks sama sah. Sekiranya terdapat pertikaian dalam pentafsiran atau pelaksanaan Perjanjian ini, teks bahasa Inggeris akan terpakai.



Stewart J. Lyons

Bagi pihak Kerajaan
Ireland

Abd. Othman

Bagi pihak Kerajaan
Malaysia